

Kuantan

ECRL mampu ubah masa hadapan pantai timur

Kesan dan manfaat projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) kepada rakyat perlu dilihat secara menyeluruh dalam tempoh jangka masa panjang.

Naib Canselor **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, adalah tidak wajar dan adil menilai projek ECRL sebagai tidak berdaya saing dalam jangka masa pendek tanpa melihat manfaat keseluruhannya kepada rakyat.

Sebaliknya, beliau berkata, projek mega berimpak tinggi itu wajar dinilai menerusi kesannya iaitu meningkatkan akses pengangkutan darat ke pantai timur yang bukan saja memudahkan pergerakan rakyat malah menarik pelabur serta mewujudkan peluang pekerjaan.

Malah, beliau secara peribadi hairan dengan dakwaan dibuat Pengerusi

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan pakatan pembangkang akan menamatkan projek ECRL jika mendapati ia tidak berdaya maju dan menguntungkan.

“Kurang wajar membuat penilaian ke atas projek berkenaan hanya dalam jangka masa pendek, tanpa dinilai kesannya secara menyeluruh daripada pelbagai aspek terutama menyediakan perhubungan lebih selesa kepada rakyat.

“Kita hendak ubah masa hadapan kawasan pantai timur, bila ada laluan ke sini baru orang hendak datang melabur dan mewujudkan bandar-bandar baru, dulu pun beliau buat macam-macam walaupun ada orang mempertikaikannya,” katanya ketika ditemui NSTP di sini, semalam.